



PENDIDIKAN

ARKIB : 28/12/2001

### **IAB anjur konvensyen PERASA**

INSTITUT Aminuddin Baki (IAB), Kementerian Pendidikan Malaysia akan menganjurkan Konvensyen Pemimpin Pembimbing Rakan Sekerja (PERASA) Peringkat Kebangsaan Ke-4 pada 28 sehingga 31 Disember ini.

Pengarah IAB, Wan Chik Rahmah Wan Din berkata, konvensyen bertemakan Ceria Rangtua Cerialah Kita itu akan berlangsung di Hotel Sunway, Seberang Jaya, Prai, Pulau Pinang.

Menurutnya, seramai 300 pemimpin PERASA dijangka hadir menjayakan konvensyen itu.

Katanya, tema tahun ini cuba memberi penekanan terhadap kesedaran dan kepentingan anak-anak menghargai jasa ibu bapa.

"Anak-anak perlulah melayan ibu bapa dengan sempurna, tidak meninggikan suara dan memberikan perhatian kepada masalah fizikal dan mental mereka," katanya dalam satu pertemuan baru-baru ini.

Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat dijangka merasmikan konvensyen berkenaan.

Pembentang kertas kerja konvensyen itu terdiri daripada tokoh-tokoh agama Islam, perubatan dan psikiatri.

Antara tajuk-tajuk yang akan disampaikan sepanjang konvensyen berlangsung selama empat hari ialah Warga Tua: Konsep dan Kefahaman; Layanan Warga Tua: Senario Masa Kini; Kesihatan Mental Warga Tua dan Keperluan Emosi dan Kerjaya Selepas Bersara.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ghulam Sarver Mobarak Ali di talian 03-2101637.

Artikel Penuh:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=1228&pub=utusan\\_malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe\\_04.htm#ixzz2vdk0ey00](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=1228&pub=utusan_malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_04.htm#ixzz2vdk0ey00)

© Utusan Melayu (M) Bhd